



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KP(BPPK)SULIT 112/10 Jld.3 (16)
Tarikh : 06 Safar 1431H
22 Januari 2010

Semua Pengarah Bahagian/ Jabatan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Nazir Negeri

Semua Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Tuan,

PERMOHONAN MENDUDUKI UJIAN KHAS (TEMUDUGA DAN PEMERHATIAN) PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) SECARA ATAS TALIAN TAHUN 2010 BAGI ANGGOTA KHIDMAT SOKONGAN (AKS) GRED 1- 16 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Ujian Khas PTK Tahun 2010 bagi Anggota Khidmat Sokongan (AKS) Gred 1- 16 di Kementerian Pelajaran Malaysia akan dilaksanakan secara **atas talian pada 1 Mac – 15 April 2010**. Sehubungan itu, Ketua- Ketua Jabatan dikehendaki memperakukan Anggota Khidmat Sokongan (AKS) gred 1 hingga 16 yang memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Telah disahkan di dalam perkhidmatan
- (ii) Bebas dari tindakan/ prosiding tatatertib

3. Kakitangan yang layak dan berminat hendaklah mengemukakan permohonan mengikut langkah-langkah yang dinyatakan berikut:

...2/

3.1 Arahan kepada pemohon

- (i) Kakitangan yang berminat hendaklah membuat permohonan secara **atas talian** dengan mengisi maklumat diri dan butir-butir Ujian Khas PTK dalam **Sistem Permohonan Online Ujian Khas PTK** melalui laman web Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi di <http://apps.emoe.gov.my/bppk> mulai **01 Mac hingga 15 April 2010**;
- (ii) Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dicetak sebanyak 2 salinan** beserta borang pemerhatian yang bersesuaian (jika berkaitan) dan dihantar kepada Ketua Jabatan;
- (iii) Tarikh tutup **permohonan ialah pada 15 April 2010**.

3.2 Arahan kepada Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelawaan untuk mengikuti permohonan Ujian Khas Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) secara atas talian Tahun 2010 ini dimaklumkan kepada semua anggota khidmat sokongan Gred 1 hingga 16 yang terlibat; dan
- (ii) Bahagian/ PPD diminta menyebarkan makluman ini ke sekolah/ jabatan di bawah seliaan masing-masing.

4. Adalah diingatkan bahawa tarikh akhir permohonan secara atas talian bagi Ujian Khas PTK ini adalah pada **15 April 2010**. Permohonan tidak dibenarkan selepas tarikh tersebut.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi pegawai – pegawai di Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi (BPPK) seperti berikut:

- (i) Pn. Joanna Zahra Augustine Liom - 03 – 8317 9063
- (ii) Pn. Anita Bt Abd.Karim - 03 - 8317 9067

Di atas segala kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan berikan di dalam hal ini adalah sangat – sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,


(**JAMALUDIN BIN YAHAYA**)

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k:
1. **Y. Bhg. Datuk Hj. Kamarulzaman Bin Mohd Noor**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 2. **TSUB (P)**
 3. **TSUB (PK)**